



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **JANGAN ABAIKAN SURAT ATAU E-MEL DARIPADA LHDNM BERKENAAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menasihatkan pembayar cukai agar tidak mengabaikan surat atau e-mel Makluman Program Khas Pengakuan Sukarela yang mereka terima.

Program Khas Pengakuan Sukarela yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan melalui pembentangan Belanjawan 2019 merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan dalam melakukan reformasi percukaian bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela mengisytiharkan pendapatan dan seterusnya berupaya mengurangkan ketirisan hasil negara.

Sebagai usaha memberikan kesedaran kepada rakyat mengenai program ini, LHDNM sedang dalam proses menghantar surat dan e-mel kepada lebih 8.3 juta pembayar cukai yang berdaftar dengan LHDNM.

Di antara kriteria pembayar cukai yang akan menerima surat atau e-mel berkenaan ialah seperti berikut:

- i. Pembayar cukai berdaftar tetapi dikesan belum pernah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP);
- ii. Pembayar cukai berdaftar tetapi gagal mengemukakan BNCP secara teratur (terdapat BNCP bagi mana-mana tahun taksiran yang gagal dikemukakan);
- iii. Pembayar cukai berdaftar yang telah mengemukakan BNCP tetapi dikesan mempunyai isu pematuhan cukai seperti keraguan amaun pendapatan (terkurang isytihar pendapatan) atau keraguan amaun perbelanjaan dan pelepasan cukai yang dituntut (terlebih tuntutan).

Sehubungan itu, pembayar cukai yang menerima surat atau e-mel Program Khas Pengakuan Sukarela ini hendaklah mengambil tindakan segera dengan membuat semakan terhadap rekod percukaian mereka dan mengisytiharkan semua pendapatan serta perbelanjaan yang betul dalam tempoh tawaran program ini (3 November 2018 sehingga 30 Jun 2019) bagi melayakkan mereka menikmati pengenaan kadar penalti yang rendah iaitu hanya 10% dan 15% atas amaun cukai yang kena dibayar. **Pengakuan sukarela yang dibuat oleh mereka dalam tempoh program ini juga akan diterima secara suci hati tanpa pertanyaan lanjut daripada pihak LHDNM.**

Selepas tempoh program ini tamat iaitu mulai 1 Julai 2019 pemeriksaan lanjut boleh diambil oleh LHDNM melalui tindakan audit atau siasatan dan penalti yang tinggi antara 80% hingga 300% akan dikenakan.

Dalam dunia yang mengaplikasikan teknologi tinggi pada masa ini serta kerjasama pertukaran maklumat dengan pelbagai agensi termasuklah dengan pihak berkuasa cukai antarabangsa, LHDNM memiliki kemampuan untuk mengesan kegagalan pembayar cukai membuat pengisytiharan pendapatan yang betul.

## **Elak sindiket penipuan**

Bagi mengelakkan terjebak dengan sebarang sindiket penipuan yang mungkin mengambil kesempatan terhadap pelaksanaan program ini, pembayar cukai yang menerima surat atau e-mel makluman program tersebut boleh mendapatkan pengesahan lanjut terlebih dahulu dengan cara:

- i. Mengunjungi Pejabat LHDNM yang berhampiran;
- ii. Menghubungi Hasil Careline LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara); atau
- iii. Menghantar e-Mel pertanyaan kepada:  
[pengakuansukarela@hasil.gov.my](mailto:pengakuansukarela@hasil.gov.my)

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 5 Disember 2018**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
 CAWANGAN KLANG  
 FIRST TOWER  
 TINGKAT 1 & TINGKAT 9 - 18  
 JALAN MERU  
 41050 KLANG  
 SELANGOR

No. Telefon : 03-33614833  
 Faks : 03-33449541  
 Portal Rasmi: <http://www.hasil.gov.my>

21 000

No. Rujukan (No. Pengenalan) :  
 No. Cukai Pendapatan :  
 Tarikh :

Pembayar Cukai Yang Dihormati,

**MAKLUMAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA**

Program ini diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Bajet 2019 pada 2 November 2018 untuk menggalakkan orang ramai melapor secara sukarela pendapatan yang belum atau kurang dilapor sebelum ini.

2. Program khas ini dibuka kepada semua pembayar cukai yang boleh mengambil peluang ini jika:

- i. Tidak pernah berdaftar sebagai pembayar cukai
  - Hadir ke mana-mana pejabat LHDN sebagai pembayar cukai atau melalui sistem e-Daftar
  - Kemukakan Borang Nyata untuk melapor pendapatan yang berkaitan.
- ii. Telah berdaftar tetapi tidak melaporkan pendapatan
  - Kemukakan Borang Nyata untuk melapor pendapatan bagi tahun-tahun taksiran yang belum dilaporkan.
- iii. Telah kemukakan Borang Nyata tetapi tidak melaporkan dengan betul
  - Tulis surat atau e-mel untuk melapor pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang sebenar.
- iv. Belum menyertakan surat cara
  - Kemukakan surat cara yang belum disetemen untuk penyeteman.

3. Pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh program ini akan diterima secara suci hati tanpa pertanyaan lanjut daripada pihak LHDNM. Tuan/Puan juga akan menikmati pengurangan kadar penalti istimewa (kadar asal 100% hingga 300%) seperti di bawah:

Tempoh Pengakuan Sukarela	Kadar Penalti	Bayaran pada atau sebelum
03/11/2018 - 31/03/2019	10%	01/04/2019
01/04/2019 - 30/06/2019	15%	01/07/2019

4. Sila dapatkan maklumat lanjut dari pejabat LHDNM terdekat atau muat turun Garis Panduan Program Khas Pengakuan Sukarela dari Portal Rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau hubungi Hasil Care Line di talian 1-800-88-5436.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"**

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

[Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan]

LHDN\_02\_000-01-002008/UPRMB/TECH/002